



MISSAK KALI KE XXI



Majlis Ihtifal Sukan Sekolah-sekolah ABIM Kebangsaan (MISSAK) Kali Ke -XX1 telah diadakan dengan jayanya pada 21-24 Oktober 2022 di Seremban. 12 acara pertandingan iaitu olahraga (balapan dan padang) dan permainan (bola sepak, futsal, tae-kwando, bola jaring, catur, ping pong, badminton, memanah, bola tampar, renang, sepak takraw untuk kategori sekolah rendah, menengah rendah dan menengah atas. Seramai lebih dari 1900 orang yang hadir termasuk warga Yayasan Takmir Pendidikan Pusat dan VIP (48 orang), para atlet dari seluruh negara (1204 orang), guru pengiring SERI dan SEMI (269 orang), para pengadil (MSSD, JPN, MSSD-96 orang), sukarelawan (146 orang) dan skuad keselamatan dan kebajikan, pimpinan sekolah dan wakil-wakil daripada WADAH Pencerdasan Umat, ABIM dan PKPIM serta sebahagian daripada ibu bapa.

MISSAK Kali Ke-XX1 ini diadakan di sembilan venue iaitu di Kompleks Sukan Tan Sri Dato' Hj. Mohd Said (badminton, renang & tae-kwando), SK Dusun Nyior (bola sepak SERI), SMK King George V (bola sepak SEMI ©) & lontar peluru), Centre Court Paroi (bola jaring, bola tampar & sepak takraw), SMK Tuanku Aishah Rohani, Seremban (ping pong), Kompleks Belia dan Sukan Paroi (Futsal), Stadium Tuanku Abdul Rahman (Balapan, lompat jauh & lontar peluru), SMK Seri Pagi (memanah) dan SERI Seremban (Catur).

SRI dan SMI Seremban telah merangkul piala Johan Keseluruhan pada musim ini. SERI Seremban telah mengumpulkan (51 mata-13E, 4P,4G) SERI Alor Setar (32 mata, 4E, 7P, 6G) dan SERI Al-Ummah, Chemor (23 mata, 3E,5P,4G) manakala Muhammad Nazif Khair Hazly dinobatkan sebagai olahragawan (B12) dan olahragawati Fatimah Azzahra Syamsul Arif kedua-duanya dari SRI Seremban. Manakala kategori sekolah menengah rendah Johan keseluruhan juga disandang oleh SMI Seremban (55 mata, 10E, 8P, 9G), SEMI Sg. Ramal (52 mata, 11E, 9P & 1G) dan Maahad Al-Ummah, Chemor (25 mata 4E, 5P,3G). Muhammad Fauzi b. Ariffin dinobatkan olahragawan (B15), SEMI Seremban. Kategori menengah atas johan keseluruhan juga berpihak kepada SMI Seremban (45 mata, 8E,7P,7G), naib johan Maahad Al-Ummah, Chemor (40 mata, 8E,6P, 4G) dan ketiga SEMESTI, Alor Setar (14 mata, 2E,3P, 2G). Sdr. Luqmanul Hakim b. Ahmad Shamhan dinobatkan olahragawan (B18) 2E dari Maahad Al-Ummah, Chemor. Tahniah diucapkan.

Majlis makan malam dan perasmian penutup disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Hj. Aminuddin b. Harun (Menteri Besar Negeri Sembilan). Beliau hadir bersama isteri dan dua orang Exco Kerajaan Negeri Sembilan. Penyampaian hadiah utama disampaikan oleh wakil WADAH, ABIM, PKPIM dan Ketua Pengarah YTP. Manakala hadiah-hadiah yang lain disampaikan oleh TKP dan Pengarah-pengarah YTP pada malam pertama dan wakil KPE, Pengetua dan GB menyampaikan hadiah di Stadium Tuanku Abdul Rahman. Kemuncaknya majlis penyerahan bendera untuk tuan rumah MISSAK seterusnya (Kali ke-23) kepada KPE dan GB, SERI Al-Huda, Gombak. Tahniah diucapkan di atas komitmen dan pengemblingan oleh semua pihak dalam mencapai objektif MISSAK, kalah dan menang adat pertandingan, yang penting dapat "Membina Ukhuwwah, Menggilap Potensi" dan mengikut Peraturan Am, Tetap dan Peraturan Pertandingan yang dipersetujui bersama.

Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman



Mesyuarat Post Mortem MISSAK Kali Ke-XXI telah diadakan pada 22 November 2022 di Pejabat Yayasan Takmir Pendidikan Pusat dengan lancar. Seramai 50 orang yang hadir iaitu Ketua Pegawai Eksekutif, Pengetua, Guru Besar dan Guru Penolong Kanan Kokurikulum dari SERI dan SEMI seluruh Malaysia.

Majlis MISSAK ini telah berjaya dilaksanakan pada 21-24 Oktober 2022 di Seremban. Secara keseluruhan majlis MISSAK ini telah berjalan dengan lancar dan segala kelemahan dapat diatasi dengan baik walaupun ada beberapa perkara perlu diperbaiki seperti perubahan peraturan pertandingan acara tertentu telah diubah disaat akhir, ketidakcukupan air ditempat penginapan, isu acara pertandingan, makanan dan lain-lain lagi.

Tn. Hj. Khalil b. Abd. Jalil, selaku Pengerusi Pelaksana memberi laporan post mortem di peringkat sekolah disusuli oleh Pn. Najihah Abu Talib dan En. Muhd. Fitri Baharudin (SU Pelaksana SEMI dan SERI). Sebahagian sekolah telah menyatakan bahagian-bahagian yang perlu diperbaiki dan tambah baik untuk MISSAK pada masa akan datang. Manakala Pn. Hjh. Ruzilawati bt. Rashidi (mewakili Bendahari Pelaksana) melaporkan kewangan MISSAK. Terdapat sedikit lebihan hasil sumbangan daripada pelbagai pihak.

Umumnya tema MISSAK "Membina Ukhuwwah, Menggilap Potensi" tercapai. Semoga objektif MISSAK untuk menunjukkan kemahiran dan kaedah dalam setiap acara sukan/permainan telah ditonjolkan sebaik mungkin. MISSAK XXI juga bertujuan untuk mengembangkan bakat dan potensi murid dalam aspek JERIS, memupuk nilai-nilai kesungguhan, komitmen dalam menguasai kemahiran dan memupuk nilai ummatik dalam membina personaliti diri bagi mewujudkan persekitaran sosial yang positif. Nantikan MISSAK Kali-XXIII, SERI Al-Huda, Gombak sebagai tuan rumah, Insyaa Allah.

Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman

Dari Meja Editor

MASALAH PEMATUHAN PERINTAH GAJI MINIMUM 2022

Pihak Kerajaan telah mewartakan Perintah Gaji Minimum RM1,500.00 sebulan pada 27 April 2022. Dari segi kuatkuasa pelaksanaannya pula ialah mulai 1 Mei 2022 bagi majikan yang menggajikan 5 orang pekerja atau lebih. Manakala majikan yang menggajikan kurang daripada 5 orang pekerja ialah pada 1 Januari 2023.

Dengan menaikkan gaji minimum daripada RM1,200.00 sebulan kepada RM1,500.00 jika dipandang dari sudut majikan ianya menambahkan beban perbelanjaan syarikat. Sebaliknya dari sudut pekerja ianya amat wajar untuk memastikan kebajikan pekerja, kerana kos sara hidup telah meningkat dari semasa ke semasa disebabkan inflasi terutamanya selepas berlakunya wabak Covid-19.

Bagi sekolah yang besar dan ramai muridnya mungkin tidak begitu bermasalah kerana jumlah pendapatan yang diperolehi boleh menampung kenaikan kos penggajian pekerja mereka. Tetapi bagi sekolah yang kecil sudah tentu akan menghadapi masalah yang besar disebabkan pendapatannya terlalu sedikit kerana saiz operasinya sangat terhad. Sebagai contoh TASKI kita yang bilangan muridnya 25 orang dengan gurunya 3 orang dan yuran bulanan murid RM150 seorang. Jumlah pendapatan sekolah sebulan RM3,750.00 sedangkan untuk membayar gaji guru untuk 3 orang jika gaji RM1,500.00 seorang, ialah RM4,500.00. Untuk membayar gaji guru pun tidak cukup apatah lagi untuk membiayai kos makan murid dan urusan pentadbiran dan penyelenggaraan. Ini merupakan masalah yang kritikal yang dihadapi oleh sekolah-sekolah kecil terutamanya di kawasan luar bandar. Dalam keadaan sedemikian pihak sekolah tidak dapat mematuhi Perintah Gaji Minimum Kerajaan kerana tidak berkemampuan.

Bagi mengatasi masalah tersebut mungkin boleh dinaikkan yuran bulanan dan menambahkan bilangan pelajar. Ini boleh dilakukan bagi kawasan-kawasan yang penduduknya ramai dan tahap pendapatan penduduk tempat berkenaan adalah tinggi. Namun ini bukan mudah dilakukan kerana bagi sesetengah tempat ibubapa murid kurang berkemampuan untuk membayar yuran yang lebih tinggi. Adalah diharapkan pihak Kerajaan tidak begitu ketat dalam menguatkuasakan perintah tersebut kepada sekolah-sekolah swasta yang kecil. Sebenarnya sekolah berkenaan secara langsung membantu Kerajaan dalam bidang pendidikan kanak-kanak. Kerajaan sepatutnya memberikan subsidi kepada sekolah-sekolah yang seperti ini.

Hj. Samian Mohd Ali

Sidang Redaksi

Penasihat
Hj. Mohd Musleh Yunos

Ketua Editor
Hj. Samian Mohd Ali

Timb. Editor
Hj. Mohamad Khailani Jalil

Editor Kerja
Hj. Mohd Naim Mohd Nor
Hjh. Nur Jannah Keman
Suhaili Hussin
Khairani Thanin
Che Abd. Fatah Che M. Nor
Syahirah Zamasry
Norhassikin Ismail

Susunatur Grafik
Khairul Anuar M. Ariffin

Penerbit
Yayasan Takmir Pendidikan
No.21 Jalan 7/1B, Seksyen 7,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor

Emel
yayasantakmir@gmail.com

Website
www.yayasantakmirpendidikan.com

Telefon
03-89265853 / 03-89202308



MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

Yayasan Takmir Pendidikan dan seluruh warga pendidikan ABIM mengucapkan tahniah atas pelantikan YB Fadhlina Dato' Sidek (45 tahun), sebagai Menteri Pendidikan. Menteri Pendidikan wanita pertama itu telah memulakan tugasnya secara rasmi pada Isnin, 5 Disember 2022.

YB Fadhlina, Ketua Wanita Keadilan Rakyat (PKR) bertanding atas tiket Pakatan Harapan telah memenangi kerusi Nibong Tebal dalam PRU15. Beliau antara lima wanita yang dilantik sebagai menteri kabinet dan pelantikan beliau telah mencipta sejarah kerana menjadi wanita pertama yang dilantik sebagai menteri pendidikan yang juga merupakan pos kanan dalam kabinet.

Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan Syariah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) serta Ijazah Sarjana Undang-Undang dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pernah menyandang pos ahli Dewan Negara (Senator) 2021-2022, peguam Syarie dan memiliki firma guaman (Fadhlina Siddiq & Association). Beliau juga aktif sebagai pejuang isu wanita dan kanak-kanak khususnya berkaitan undang-undang anti gangguan seksual dan menaikkan had umur perkahwinan dari 16 ke 18 tahun. Aktivistik ABIM dan pernah dilantik sebagai Ketua Hal Ehwal Wanita (HELWA).

Dalam pernyataan pertamanya sebagai menteri pendidikan, Fadhlina telah menggariskan 7 teras sebagai fokus Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memperkasa sistem pendidikan Negara. 7 teras tumpuan KPM adalah seperti berikut:

1. Menjadikan komunikasi antara kementerian dan sekolah lebih cekap dan telus
2. Beri penekanan aspek "Karramah Insaniah" melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti
3. Beri perhatian terhadap isu kemiskinan multidimensi murid keluarga B40
4. Beri perhatian isu keciciran pendidikan serta masalah literasi dan numerasi
5. Fokus kepada kebajikan guru adalah teras utama keberhasilan penyampaian pendidikan
6. Tumpu usaha ubah suai, naik taraf sekolah daif terutama di Sabah dan Sarawak
7. Tingkatkan keupayaan pendidikan digital di sekolah.

Pada waktu yang sama, KPM juga akan menionggkatkan hubungan kerjasama dengan semua pihak berkepentingan seperti Persatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM), Persatuan Guru Besar Malaysia (PGBM), Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti Swasta (PIBKS). Menariknya beliau mengungkapkan slogan "Murid Ceria, Guru Bahagia, Sekolah Bitara, Negara Sejahtera".

Laporan : Hj. Khailani Abd. Jalil

AHLI LEMBAGA PENGARAH YAYASAN TAKMIR PENDIDIKAN 2022 - 2025



Pengerusi
DATUK DR. AMIN SENIN



Timb. Pengerusi
AHMAD FAWWAZ
AHMAD SYUKRI



Setiausaha
MOHD MUSLEH
YUNOS



MUHAMAD ALIEMRAN
NORASID



HASRI
HARUN



DR. ISMAIL
HJ. RADUAN



FADZLI
ARSAD



DATO' MD. FIAH
MD. JAMIN



DR. MUSTAFFAR
ABD. MAJID




HJ. ABD. RAHMAN
ABD. KAREEM



MUHAMAD NAZMI
AB. RAHIM



SITI RAKIAH
HJ. OMAR



DR. MOHAMAD HUSIN
MOHD YUSOF

MEMBANGUN KEMULIAAN INSAN KARAMAH INSANIAH

Oleh Haji Mohd Musleh Yunos - Ketua Pengarah Yayasan Takmir Pendidikan

Kita sedar sesungguhnya pendidikan menjadi unsur terpenting dan menjadi katalis atau agen utama kepada perubahan masa depan bangsa dan negara, Lebih-lebih lagi bagi melaksanakan misi besar membina generasi baru masyarakat madani. Justeru itu, salah satu daripada Tujuh Teras Tumpuan Utama Kementerian Pendidikan Malaysia masa kini di bawah kepimpinan Menteri Pendidikan yang baru adalah penekanan kepada aspek membangunkan Karamah Insaniah atau kemuliaan insan.

Fokus ini juga sangat bertepatan dengan gagasan masyarakat madani yang didokong oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim Perdana Menteri ke 10 iaitu kekuatan pembinaan bangsa seharusnya berpaksikan kepada memartabatkan karamah insaniah yang menjunjung tinggi dan menghormati martabat keinsanan dan maruah manusia. Gagasan ini juga selaras dengan aspirasi jamaah yang sedang mempelopori misi nahdah Islamiah (Kebangkitan Islam) yang menjadi teras kepada Pelan transformasi al-falah (ke arah kemenangan).

Sejajar dengan matlamat mengangkat kemuliaan insan, sesungguhnya kemuliaan tertinggi di sisi Allah adalah kemuliaan yang mesti diusahakan oleh manusia dengan cara beriman dan beramal soleh. Kemuliaan yang dicapai kerana ketaqwaan akan memberi implikasi yang melampaui batas dunia dan Allah menjanjikan balasan terbaik dan darjat yang tinggi kepada manusia di Hari Akhirat nanti.

Firman Allah;

"Sesungguhnya Kami telah memuliakan anak cucu Adam dan Kami angkut mereka di daratan dan di lautan dan Kami beri mereka rezeki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka di atas banyak makhluk yang Kami ciptakan dengan kelebihan yang sempurna." (al-Isra' 17:30).

"Berbuat baiklah kamu sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu." (al-Qasas 28:77).

Di atas kemuliaan insan yang Allah anugerahkan secara tabi'i dan sehati dengan diri manusia, justeru itu manusia tidak boleh dihina, direndah-rendahkan, didiskriminasi dan dizalimi kerana perbezaan bangsa, kaum, etnik, warna kulit, jantina, agama, usia, keupayaan mental dan fizikal.

Setiap orang manusia memiliki kapasiti masing-masing atas anugerah ilahi yang harus diiktiraf sebagai identiti peribadi, berjiwa dan berperasaan serta memiliki keunikan masing-masing. Mereka memiliki digniti dan maruah yang perlu diiktiraf dan dihormati. Setiap orang adalah sebagai entiti yang bernilai dan bermakna untuk masyarakatnya. Oleh itu ia perlu dipelihara dan diberi hak dan kedudukan yang sewajarnya untuk dipupuk menjadi insan soleh.

Allah telah meletakkan *standard* kemuliaan seseorang itu berasaskan kepada neraca Ilahi iaitu dengan cara seseorang itu beriman dan beramal soleh.

"Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah yang paling bertaqwa." - (al-Hujurat 48:13).

Cabaran kita masa kini adalah menyediakan pelan perancangan ke hadapan (*way forward*) pemupukan dan pembinaan karamah insaniah/kemuliaan insan.

Langkah untuk memartabatkan karamah insaniah ini boleh diawali dengan memperkukuhkan asas-asas keintelektualan umat. Iaitu dengan membugar aqal manusia yang telah jumud dan hilang daya upaya, menghasilkan idea-idea perubahan yang boleh mengangkat tamadun manusia.

Selaras dengan firman Allah;

"Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri." (Surah al-ra'd ayat 11).

Oleh itu semangat nahdah dan kebangkitan perlu digerak dan disemarakkan bagi mengejutkan umat manusia masa kini yang sedang lena dan hanyut dalam kelekakan kesenangan, keselesaan, individualistik dan sifat hedonisme. Mengeluarkan generasi muda daripada zon selesa untuk mendepani cabaran baru dalam *smart society*.



Memupuk kesedaran baharu yang meletakkan ciri penarafan negara maju bukan dimutlakkan berasaskan pertumbuhan ekonomi pesat semata-mata tetapi berasaskan prinsip pembangunan ekonomi manusiawi yang bersifat sepadu dan mengutamakan kehidupan sejahtera (*well being*).

Menjunjung tinggi dan menyemarakkan budaya damai dalam kalangan masyarakat untuk kehidupan yang lebih aman dan saling hormat menghormati dalam realiti kemajmukan di negara ini. Justeru itu bibit-bibit ketegangan kaum, sikap rasis dan *chauvanistik* cuba dinyalakan perlu dikawal dan dibenteras supaya tidak menjadi barah yang boleh menggugat kestabilan bangsa dan negara.

Kemunculan gagasan Malaysia Madani diyakini mampu menjadi katalis dan pemacu kepada perubahan bagi memastikan hala tuju pentadbiran negara diurus tadbir melalui prinsip tatakelola negara yang baik (*good governance*).

Usaha-usaha mencerdaskan ummat perlu dilipatgandakan supaya tampil pekerja ilmu (*knowlaged woker*) yang pintar, rajin, dinamik, berintegriti, berakhlak dan menjunjung tinggi prinsip kebenaran. Meningkatkan peranan dan partisipasi masyarakat secara sihat di semua peringkat bagi meningkatkan rasa keprihatinan mereka terhadap isu-isu kemiskinan, kemelaratan dan keruntuhan moral masyarakat khususnya generasi muda di peringkat lokal atau global.



Mengangkat jiwa merdeka dengan keluar daripada kepompong dan belitan minda serta jiwa hamba kesan daripada saki baki pengaruh feudalisme yang masih menebal dalam kalangan segelintir masyarakat khususnya orang-orang Melayu. Tujuannya supaya mereka mampu bangun sederap dengan gagah memperkembang potensi diri sebagai masyarakat moden yang demokratik dan mampu bersaing.

Selain daripada itu kita perlu menggerakkan secara sepadu pembangunan unsur rohani dan

jasmani generasi pelajar melalui aktiviti olahraga, olah fikir, olah budi/rasa dan olah hati supaya muncul manusia yang cergas akal budi yang aktif dan kritis, mampu merenung, berfikir mencari dan mengungkapkan kebenaran dan menyanggah kebatilan. Hatinya pula sentiasa luhur mengharap keredaan Allah dengan zikir dan amal soleh. Ciri dan karekter seperti ini diharapkan akan mampu mengangkat darjat kemuliaan diri manusia dan masyarakat masa akan datang. Tanpa ciri ini negara akan terus mewarisi masyarakat berjiwa hamba yang mandul akalnya, memiliki hati tetapi tidak mahu berfikir, rendah sahsiahnya, dan malas beribadah serta bekerja sejajar dengan apa yang ditegaskan dalam al-quran sebagai makhluk yang rendah dan hina.

“... Mereka seperti haiwan ternak, bahkan lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lengah.” - (al-A'raf 7:179).

Oleh itu marilah kita menggembelng tenaga menyuburkan dimensi dalaman diri insan iaitu jiwa, minda dan wataknya bagi mengangkat kemuliaan insan sejajar dengan matlamat Pendidikan al-hikmah.



“Hidup memerlukan pengorbananan. Pengorbanan memerlukan perjuangan. Perjuangan memerlukan ketabahan. Ketabahan memerlukan keyakinan. Keyakinan pula menentukan kejayaan. Kejayaan pula akan menentukan kebahagiaan.”



Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Yayasan
Takmir Pendidikan di Dewan Seminar YTP
3 Disember 2022



Majlis Konvokesyen TASKI Kuching Sarawak
17 November 2022



Pelajar SERI Ad-Diniah Sg. Bakap Sedang Menjalani Peperiksaan SPRA (Sijil Penilaian Rendah Agama)
22-24 November 2022

PERISTIWA



**Majlis Makan Malam Sempena Sambutan 20 Tahun Penubuhan SEMI Ad Diniah Telah di Hadiri dan di Rasmikan oleh TYT Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fauzi Hj. Abd. Razak
6 November 2022**



**Aktiviti Tadabbur Alam Dengan Menanam Pokok Kangkung oleh Pelajar SERI Seremban.
2 November 2022**



**Penyampaian Cenderahati Kepala Pelajar Menunjukkan Amal & Budi Terpuji di Kantin Sekolah SERI Sg. Ramal Kajang. Dhia Nur Aisyah (3 Zaid) & Mohd Fakhrul (5 Hamzah)
21 November 2022**



**Kejohanan Sukanika Tahunan 2022 SRI Johor Bahru
28 September 2022**



**Pasukan pingpong SERIAS telah berjaya merangkul 1 pingat Emas dan 2 pingat Perak dalam Majlis Ihtifal Sukan Sekolah ABIM Kebangsaan Ke-21
22 Oktober 2022**

MAJLIS SANJUNGAN BUDI



Majlis Sanjungan Budi yang dianjurkan oleh SERI/SEMI Sg. Ramal telah diadakan pada 10 Disember 2022 di Bangi Golf Resort untuk memberi pengiktirafan kepada guru-guru dan staf yang telah berkhidmat 10 tahun hingga 30 tahun, guru yang telah bersara dan yang telah menamatkan perkhidmatan. Pn. Hj. Nur Jannah bt Keman, Pengarah Latihan & Modal Insan, mewakili Yayasan Takmir Pendidikan menyampaikan anugerah tersebut. Ustaz Nazzil Syaifuddin (Ketua Pegawai Eksekutif) dan Pn. Rogayah bt Sebli (Guru Besar) telah mendapat anugerah khidmat setia lebih daripada 20 tahun. Tahniah dan Syabas diucapkan kepada guru-guru dan staf yang telah mencurahkan bakti kepada sekolah dengan memberikan komitmen, pengorbanan masa, idea dan tenaga. Kepada guru-guru yang berhijrah ke tempat baharu, semoga membawa sinar baru dan lebih cemerlang di premis baru.

Laporan : Hj. Nur Jannah Keman

BENGGKEL LITERASI DIGITAL APLIKASI TIKTOK



Bengkel Literasi Digital Aplikasi TIKTOK telah diadakan di Kolej Darul Hikmah, Sg Ramal Kajang pada 28 Disember 2022. Bengkel ini adalah anjuran Persatuan Wanita Anggerik Malaysia dengan kerjasama Pusat Jaringan Komuniti (COMNET) Universiti Selangor (UNISEL). Bengkel ini dikendalikan oleh 2 orang tenaga pengajar iaitu Tuan Izwan Suhadak Ishak dan Tuan Mohd Yusaimi Md Yusof. Seramai 16 orang peserta yang telah bersama-sama mengikuti bengkel ini, telah didedahkan dengan 3 modul iaitu Pengenalan kepada Aplikasi TikTok, Teknik Rakaman dan Teknik Menyunting.

Peserta telah diberi task untuk membuat satu rakaman video yang telah disunting dengan menggunakan kaedah-kaedah yang telah dipelajari dan perlu memuat naik video tersebut ke dalam akaun TikTok masing-masing.

Kebanyakan peserta yang mengikuti bengkel ini telah menyatakan keseronokan dan keterujaan dalam mempelajari ilmu digital yang baru ini untuk kegunaan ke arah yang lebih membangun demi masa depan.

Laporan : Syahirah Zamasry

KURSUS ASAS PERGURUAN (KAP) MOD 2, SIRI 3

Kursus Asas Perguruan (KAP) Mod 2, Siri 3 telah dilaksanakan dengan jayanya pada 13-15 Disember 2022. Kursus KAP ini merupakan kesinambungan daripada siri-siri yang lepas. Seramai 49 orang peserta dari kalangan guru SERI/SEMI/TASKI/TAHFIZ seluruh Malaysia hadir secara bersemuka di pejabat Yayasan Takmir Pendidikan Pusat.

Pembukaan dan taklimat kursus disampaikan oleh Pn. Hjh. Nur Jannah bt Keman (Pengarah Latihan & Modal Insan merangkap Pengarah Program). Kursus tiga hari ini diisi oleh pensyarah-pensyarah iaitu Tn. Hj. Mohamad b. Abu Daud, Dr. Abd. Khahar b. Saprani, Tn. Hj. Ishak b. Ali Shah dan Tn. Hj. Mohamed Ibrahim



b. Hussein (pensyarah jemputan) slot motivasi.

Para peserta menggali ilmu dan kemahiran berkaitan dengan Komunikasi Berkesan (Pedagogi), Rancangan Pengajaran al-Hikmah, Aplikasi Alatan Digital, Mereka bentuk dan Menyunting Bahan dalam 'online'. Guru-guru juga diberi taklimat praktikum dan menjalani mikro teaching sebagai persediaan praktikum yang akan dijalankan pada bulan 2 Mei-20 Jun 2023 selama 45 hari sebelum melayakkan untuk bergraduasi. Tn. Hj. Mohd. Musleh Yunus (Ketua Pengarah, YTP) memberi amanat kepada para peserta dan menyampaikan hadiah kepada persembahan terbaik mikro teaching, penghulu dan penghulu wati dan kategori yang lain.

Kurikulum Kursus Asas Perguruan pada sesi akan datang akan dimurnikan bersesuaian dengan keperluan semasa dan pasca pandemik Covid-19.

Laporan: Hjh. Nur Jannah Keman

MESYUARAT YTP BERSAMA YTPN JOHOR



Pada 10 Disember 2022, satu mesyuarat YTP bersama YTPN Johor diadakan untuk membincangkan hala tuju institusi pendidikan di negeri Johor yang berada dibawah pengurusan YTP. Mesyuarat disertai oleh beberapa orang pengarah YTP dan beberapa orang Ahli majlis Tertinggi YTPN Johor. Menurut Pengerusi YTPN Johor, Dr Muhamad Kassim bin Basir, pertemuan seperti ini adalah sebagai pemangkin untuk merancang gerak kerja agar hala tuju institusi pendidikan terutama TASKI dapat dicapai dan kesepaduan antara YTP dan YTPN Johor terus erat. Hasil dari mesyuarat tersebut, satu majlis dinamakan Majlis TASKI Negeri Johor ditubuhkan dimana melibatkan penyelia TASKI dari setiap daerah negeri Johor dan beberapa ahli YTPN

Johor. Objektif penubuhan adalah untuk merancang dan merangka aktiviti yang melibatkan semua guru – guru TASKI negeri Johor.

Laporan : Norhassikin Ismail

AKTIVITI TASKI



BENGGKEL PERANCANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) TASKI



Pada 9 dan 10 Disember 2022 yang lepas, YTP TASKI telah mengadakan satu bengkel bertajuk Perancangan Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) TASKI. Bengkel ini melibatkan 5 buah TASKI di Johor dan 1 buah TASKI di Melaka. Seramai 31 orang guru telah ikut serta.

Bengkel ini dimulakan dengan sesi ice- breaking dalam kalangan guru- guru, seterusnya disambung dengan sesi perancangan PdP oleh Tn Hj Ishak Ali shah sehingga petang pada hari pertama. Pada malamnya, bengkel diteruskan dengan sesi pelaksanaan aktiviti berkesan di TASKI oleh Tn Hj Muhamad Abu Daud.

Pada hari kedua, majlis perasmian oleh Tn Hj Mohd Musleh bin Yunos disertai dengan kehadiran pengarah-pengarah YTP yang lain. Maklum balas yang positif diperolehi daripada guru-guru apabila mereka menyatakan bengkel PdP secara bersemuka lebih praktikal. Bengkel berakhir pada jam 12.30 tengahari dan semua guru bergerak ke destinasi masing-masing selepas makan tengahari.

Laporan : Norhassikin Ismail

MAJLIS IHTIFAL SUKAN TASKI 2022



Pada 3 Disember 2022, Majlis Ihtifal Sukan TASKI 2022 telah diadakan di mini stadium Uniten Bandar Baru Bangi Selangor. Ihtifal ini melibatkan 5 buah Rakan TASKI ABIM sekitar Bandar Baru Bangi dan Puchong. TASKI yang terlibat adalah TASKI khalifah Awatif, TASKI Bestari alhikmah, TASKI Dar Mumtaz, TASKI Al Habib serta TASKI Khalifah Bestari.

Majlis bermula pada jam 8 pagi dengan ucapan perasmian oleh Ketua Pengarah YTP Tn Haji Mohd Musleh bin Yunos. Sebanyak 10 permainan telah dipertandingkan.

Sambutan yang diberikan oleh ibu bapa juga amat menggalakkan dan mereka berharap supaya ihtifal ini menjadi acara tahunan dan seterusnya objektif program ini iaitu memupuk semangat berpasukan dalam kalangan murid dapat dicapai dengan jayanya.

Laporan : Norhassikin Ismail

AKTIVITI TASKI




KENALI TASKI AMPANG

TASKI ABIM Ampang terdiri daripada tiga buah TASKI iaitu TASKI An- Nur, TASKI Rahmaniah dan TASKI Mawar. TASKI kawasan Ampang ini diuruskan oleh ABIM wilayah Kuala Lumpur dan merupakan salah satu TASKI jemaah.

TASKI An-Nur ditubuhkan pd tahun 1991 di kawasan surau An-Nur, Jalan Cempaka 17, taman cempaka, Ampang. Manakala TASKI Mawar ditubuhkan tahun 1995, Di Dewan Orang Ramai, Taman Mawar, dan kini Dewan tersebut telah menjadi perpustakaan awam Selangor cawangan Taman Mawar sejak 2020. TASKI Ar-Rahmaniah telah ditubuhkan pada tahun 1987, di perkarangan surau Rahmaniah , jalan F, Kg, Pandan Dalam, 56100 Kuala Lumpur.

Semoga TASKI Ampang terus maju dibawah kepimpinan penyelia dan pengurusan ABIM Ampang dan dapat melahirkan lebih ramai generasi Al-fateh.



TASKI AN-NUR




TASKI TAMAN MAWAR



TASKI AR-RAHMANIAH

CARTA ORGANISASI JEMAAH PENGURUSAN TASKI

TASKI ABIM UNIT AMPANG TASKI ABIM AN – NUR / TASKI ABIM AR – RAHMANIAH / TASKI ABIM MAWAR



IKLAN



MEMACU PARADIGMA BARU
DAN HARAPAN BARU BAGI PELAJAR
UNTUK MASA DEPAN



SRI AL-HIKMAH KELANTAN



ELEMEN PENDIDIKAN SRI AL HIKMAH ABAD KE 21

- TAHFIZ QUR'AN JUZ 30 & SURAH-SURAH PILIHAN;
- KEMAHIRAN ASAS BACAAN AL QUR'AN;
- KEMAHIRAN 3M DAN INTERVENSI;
- PENGURUSAN BAKAT / TALENT;
- PENDIDIKAN KARAKTER;
- TUNAS KEPEMIMPINAN;
- PENGENALAN ASAS ROBOTIK;
- TUNAS ENTREPRENEURSHIP; DAN
- JARINGAN SEKOLAH RENDAH ISLAM TERBAIK ASEAN

SEKOLAH RENDAH ISLAM AL HIKMAH KELANTAN

2633-A, Tanjung Mas, Pengkalan Chepa
15400 Kota Bharu, Kelantan.

KOD SEKOLAH: DJA 1002

NO. PENDAFTARAN:
KPM 1002; MAIK SRI6/98; JAKIM DJJ 1001

HUBUNGI

Pejabat / Fax: 09-771 8635

Email: srihikmah03@gmail.com

Guru Besar : 011-1080 0053 (Wan Latfi)

Penolong Guru Besar : 019-3787073 (Suriani)

